

## PEMBENTUKAN SAHSIAH MAHASISWA MELALUI PENGHAYATAN PROGRAM KEROHANIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM

Safura Ahmad Sabri  
Nurauliani Jamlus Rafdi  
Nur Hafizah Musa

### ABSTRAK

*Program kerohanian merupakan satu aktiviti keagamaan yang sering diadakan di kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi bagi membina sahsiah serta jati diri yang mantap dalam kalangan mahasiswa. Di Institusi Pengajian Tinggi Islam khususnya, pelaksanaan program ini sekaligus bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan Islam menerusi aktiviti kerohanian yang dijalankan. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan hubungan di antara faktor-faktor pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian. Seramai 286 orang responden telah dipilih dari kalangan mahasiswa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk menentukan hubungan di antara faktor pengetahuan, minat dan sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Data yang diperolehi melalui borang kaji selidik dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) dengan menjalankan analisis deskriptif dan Korelasi Pearson. Hasil dapatan analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pengetahuan, minat dan sikap dengan pemboleh ubah bersandar iaitu pembentukan sahsiah mahasiswa ( $p < 0.05$ ). Implikasi kajian menunjukkan bahawa kesemua faktor-faktor penghayatan program kerohanian tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dan memberi kesan kepada pembentukan sahsiah mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Islam khususnya di KUIS. Ketiga-tiga faktor pengetahuan, minat dan sikap terhadap program kerohanian tersebut didapati berhubung secara positif dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Ini menunjukkan bahawa semakin baik pengetahuan, minat dan sikap mahasiswa terhadap program kerohanian yang dijalankan, maka semakin positif proses pembentukan sahsiah mereka.*

Kata kunci: Program Kerohanian, Pengetahuan, Minat, Sikap, Pembentukan Sahhsiah.

### PENDAHULUAN

Universiti merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang memberi peluang kepada mahasiswa untuk menceburi bidang yang diminati serta melahirkan mahasiswa yang mampu bersaing dengan cabaran di dunia luar. Antara tujuan utama sesebuah universiti di samping melahirkan golongan profesionalisme dalam bidang pekerjaan tertentu adalah untuk melahirkan manusia berilmu dan berakhlak (Baharudin, 2005). Justeru, pendidikan tidak sepatutnya diukur dengan kejayaan akademik sahaja, sebaliknya ia perlu dilihat secara menyeluruh dari segi pembentukan watak, karakter, tingkah laku dan budi bahasa bagi membentuk sahsiah mahasiswa secara holistik (Abd Rahman, 2014). Hal ini demikian kerana memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata tanpa dipupuk oleh nilai-nilai murni tidak cukup untuk membina mahasiswa yang memiliki peribadi unggul.

Di Malaysia, penerapan nilai-nilai murni dalam diri pelajar telah dimulakan sejak di alam persekolahan lagi dengan menjadikan ia sebahagian daripada silibus dalam mata pelajaran tertentu seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Menurut Khamisan (2008), pelajar yang mampu menghayati asas pengetahuan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan adalah pelajar yang mempunyai sahsiah yang berkualiti. Namun begitu, Hashim (2000) berpendapat bahawa penerapan nilai-nilai murni ini tidak sepatutnya terhad kepada mata pelajaran rasmi tersebut sahaja, malah perlu diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar termasuk melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum. Ini sejajar dengan Tuah et al. (2012) yang menyatakan bahawa proses dalam pendidikan sebenarnya tidak dapat dipisahkan daripada penerapan nilai-nilai murni.

Memandangkan golongan pelajar merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan, penyumbang budaya, penggerak kemajuan dan pelopor pembangunan bagi sesebuah masyarakat (Hamzah, 2001), maka penerapan nilai-nilai murni atau pembentukan sahsiah yang baik tidak harus terhenti di peringkat sekolah sahaja, sebaliknya perlu diteruskan sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Maka, antara inisiatif yang diambil oleh kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi sama ada awam mahupun swasta bagi membina sahsiah serta jati diri yang mantap dalam kalangan mahasiswa adalah dengan melaksanakan pelbagai program kerohanian di kampus. Antara program yang menerapkan unsur-unsur kerohanian yang dijalankan di universiti adalah usrah perdana, khidmat ummah, latihan bina insan, aktiviti mentoring dan banyak lagi. Setiap program yang dilaksanakan ini mempunyai objektif tersendiri yang ingin dicapai yang mana pada dasarnya ia berkait rapat dengan proses pembentukan sahsiah seseorang mahasiswa.

### Permasalahan Kajian

Remaja merupakan individu yang tidak stabil dari segi emosi jika tidak diterapkan dengan elemen kerohanian dalam diri mereka. Ini terbukti apabila masalah keruntuhan akhlak sering dipaparkan melalui media massa yang melibatkan pelajar institut pengajian tinggi (IPT). Masalah keruntuhan akhlak ini sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar (Mustari et al., 2004). Antara kesalahan yang sering dilakukan adalah seperti berkhalwat dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Berita-berita seumpama ini secara tidak langsung memberikan suatu gambaran yang buruk terhadap institusi pengajian tinggi di mana mahasiswa sepatutnya menjadi populasi yang menunjukkan sahsiah dan contoh yang terbaik kepada golongan belia di negara ini.

Namun, apa yang lebih membimbangkan adalah kebanyakan pelajar yang terlibat dengan gejala tidak bermoral ini datang daripada pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang tinggi (Ranita Manap et al., 2018). Permasalahan ini sekaligus menimbulkan isu atau tanda tanya mengenai keberkesanan program-program kerohanian yang dijalankan di sesebuah IPT.

Walaubagaimanapun, menurut Rozana & Nor Hashimah (2005), masalah keruntuhan akhlak yang semakin meningkat ini bukan sahaja membimbangkan pihak institusi, malah turut membimbangkan penjaga kepada pelajar. Kedua-dua pihak institusi dan penjaga sebenarnya mempunyai peranan yang penting untuk mendidik pelajar-pelajar dalam membentuk sahsiah yang terpuji dan terpelihara. Bagi pihak IPT, langkah proaktif yang diambil adalah melalui penganjuran program-program berbentuk kerohanian. Ali dan Eni Eryanti (2005) juga berpendapat bahawa pengajar di IPT perlu meningkatkan tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar seterusnya dapat membentuk disiplin dari sebarang kesalahan. Namun, menurut Awang dan Maimun (2017), keseimbangan diri pelajar yang merujuk kepada kombinasi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah hanya akan dapat dicapai apabila pelajar menghayati dan memahami setiap amalan kerohanian yang mereka amalkan.

Justeru itu, kajian ini akan menumpukan faktor-faktor penyumbang yang berkait rapat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian. Secara khususnya, objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan di antara faktor pengetahuan, minat dan sikap terhadap aktiviti kerohanian dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.

## KAJIAN LITERATUR DAN HIPOTESIS KAJIAN

Sahsiah diri seseorang manusia perlu dibentuk sejak dari awal khususnya sewaktu dalam tempoh pembelajaran. Maka, tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan sahsiah sebenarnya banyak dibentuk oleh pendidikan, sama ada secara formal atau tidak formal. Antaranya adalah melalui program kerohanian yang dilaksanakan dalam usaha untuk membangunkan manusia menurut keperluan dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat (Wan Ahmad Zakry, 2015). Ini turut diperakui oleh Baharin et al. (2008) yang mendapati bahawa kebanyakan pelajar IPTA menyedari akan pentingnya program kerohanian dalam proses pembangunan insan bagi melahirkan graduan muslim yang cemerlang sahsiahnya. Selain itu, amalan kerohanian juga jika difahami tujuan pengamalannya, secara khususnya mampu memberi impak yang positif terutamanya dalam pembentukan sahsiah mahasiswa (Ramli & Rosmaziah, 2009).

Pengetahuan menurut Abdul Hamid (2004) adalah suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat yang berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Pengetahuan dalam kajian ini ditafsirkan sebagai maklumat yang sedia ada dalam diri mahasiswa mengenai program kerohanian. Pengetahuan terhadap sesuatu menyebabkan kecenderungan sikap pelajar untuk terlibat dengan aktiviti kerohanian. Pengetahuan dan sikap yang baik untuk melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian merupakan antara faktor yang dapat meningkatkan minat mahasiswa kepada aktiviti berilmiah (Wang, 2004). Selain itu, pengetahuan pelajar terhadap kelebihan melibatkan diri dalam program kerohanian dapat menggalakkan minat pelajar-pelajar lain untuk mengikuti program tersebut (Yuhanis, 2015).

Minat bermaksud suatu kecenderungan yang menyebabkan seseorang berusaha untuk mencari sesuatu. Malah, minat juga boleh mendorong seseorang berusaha bersungguh-sungguh kerana minat boleh menjadi daya penggerak dan mempunyai pengaruh yang besar kepada seseorang terhadap sesuatu. Menurut Mohd Atan (2003), minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara membolehkan seseorang itu lebih bersedia untuk belajar dengan tekun. Dalam konteks kajian ini, minat mahasiswa terhadap program kerohanian mendorong mereka untuk menyertai program yang dianjurkan tanpa paksaan dan secara sukarela. Nadzalinda (2015), mengatakan bahawa kebiasaannya pelajar akan melakukan perkara-perkara yang diminati sahaja. Seseorang pelajar kebiasaannya berminat untuk menyertai sesuatu aktiviti dengan harapan mereka akan mendapat sesuatu kepuasan atau ganjaran daripada kegiatan mereka. Namun begitu, sikap pelajar yang sentiasa memberikan persepsi yang buruk terhadap sesuatu perkara akan mengakibatkan pelajar tidak berminat untuk menyertai aktiviti berilmiah (Zulzana et al., 2011). Aktiviti kerohanian yang tidak memberi impak atau kelebihan juga akan menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menyertainya (Syaza et al., 2014).

Sikap secara umumnya merujuk kepada cara seseorang individu itu bertingkah laku. Menurut Mohamed et al. (1995), sikap merupakan perkara peribadi berkaitan dengan perasaan dan pengalaman individu, menggambarkan cara berfikir dan bertindak dalam sebarang masalah yang mendorong pelajar bersedia untuk menerima teguran demi kebaikan masa depan pelajar sendiri. Dalam konteks kajian ini, sikap merujuk kepada sejauhmana pelajar cenderung untuk bertindak terhadap rangsangan yang diterima daripada keterlibatan pelajar terhadap aktiviti kerohanian yang dijalankan. Sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya elemen kerohanian dalam diri, maka pelajar berkenaan akan berusaha untuk mencari ilmu kerohanian. Menurut Fakhru Adabi et al. (2010), pelaksanaan program kerohanian ini sebenarnya mampu memenuhi harapan kerajaan dalam merealisasikan pembangunan modal insan terutamanya dari aspek pembangunan akhlak serta keperibadian diri disamping membudayakan nilai-nilai moral dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana kebanyakan aktiviti kerohanian yang dilaksanakan adalah berunsurkan keagamaan iaitu memberi penekanan terhadap tauhid, ibadah, akhlak dan sirah serta dilihat amat sesuai dilaksanakan seiring dengan usaha untuk menangani pelbagai isu gejala sosial serta keruntuhan akhlak pelajar-pelajar Islam pada hari ini. Namun begitu, Ahmad Rizal et al. (2005) pula menyatakan bahawa sikap pelajar terhadap sesuatu aktiviti memerlukan ketahanan fizikal apabila sikap mereka yang menganggap sesuatu itu adalah susah. Bahkan, sikap juga akan memberi impak kepada pelajar sama ada di sekolah ataupun di pusat pengajian tinggi (Jerie & Zamri, 2011). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa para pelajar yang mempunyai sikap yang positif, bersedia untuk belajar dan bermotivasi tinggi akan berjaya menguasai sasaran dan begitulah sebaliknya (Zaliza & Zaitul Azma, 2013).

### Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, maka terdapat tiga hipotesis kajian yang diuji iaitu:

1. H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.
2. H<sub>2</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.
3. H<sub>3</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana ia mengkaji faktor-faktor pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian, dengan menggunakan data yang diperoleh daripada borang soal selidik. Kajian ini dilaksanakan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia dengan memfokuskan kepada mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) sahaja. Populasi mahasiswa di FPM, KUIS adalah seramai 2,595 orang. Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah seramai 335 orang. Justeru, dengan menggunakan persampelan rawak mudah, sejumlah 335 set borang soal selidik telah diedarkan. Walaubagaimanapun, hanya 300 borang telah diterima dan 14 daripadanya tidak diisi dengan lengkap. Oleh itu, jumlah keseluruhan borang yang boleh digunapakai ialah 286 (85%).

Instrumen borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibentuk berdasarkan kajian lepas sepertimana yang telah dijalankan oleh Nadzalinda (2015) dan Yuhanis (2015). Bahagian A mengandungi soalan berkaitan demografi responden. Bahagian B, C dan D pula terdiri daripada beberapa pecahan kumpulan soalan yang mewakili pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian, iaitu faktor pengetahuan, minat dan sikap. Sementara itu, bahagian E pula mewakili pembolehubah bersandar bagi kajian ini iaitu pembentukan sahsiah mahasiswa. Kesemua item dalam bahagian B, C, D dan E diberi nilai pada skala jenis likert 5-point dari 1 sangat tidak setuju hingga 5 sangat setuju.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik dalam mengukur pembolehubah kajian secara konsisten setiap kali ia digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan (Mohd Salleh dan Zaidatun, 2001), serta bagi mengenal pasti kelemahan instrumen kajian dan tatacara kajian (Fraenkel dan Wallen, 2009). Hasil analisis dalam Jadual 1 menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap pembolehubah dalam instrumen kajian adalah baik iaitu dengan nilai kebolehpercayaan melebihi 0.70 (Nunnally, 1978). Oleh itu, soal selidik dianggap baik serta boleh digunakan bagi mendapatkan data sebenar. Seterusnya, bagi menjawab kesemua objektif kajian, data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dengan menjalankan analisis deskriptif dan korelasi pearson.

**Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan Cronbach Alpha**

Pembolehubah	Bil. soalan	Kebolehpercayaan
<i>(Kajian Rintis)</i>		
<b>Pembolehubah Bersandar:</b>		
Pembentukan Sahsiah Mahasiswa	5	0.758
<b>Pembolehubah Tidak Bersandar:</b>		
Pengetahuan	5	0.711
Minat	5	0.835
Sikap	5	0.842

## HASIL KAJIAN

### Analisis Demografi Responden

Demografi merujuk kepada maklumat daripada latar belakang responden yang telah dikumpul dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini adalah seramai 286 orang yang terdiri daripada mahasiswa di FPM, KUIS. Pengkaji telah menyediakan empat soalan bagi mendapatkan latar belakang responden. Empat soalan tersebut adalah berkenaan jantina, umur, bidang pengajian dan semester pengajian.

**Jadual 2: Profil Demografi Responden**

Demografi	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>	1) Lelaki	85	29.7
	2) perempuan	201	70.3
<b>Umur</b>	1) 18-20 Tahun	8	2.8
	2) 21-23 Tahun	171	59.8
	3) 24-26 Tahun	104	36.4
	4) 27 Tahun Ke Atas	3	1.0
<b>Bidang Pengajian</b>	1) Pentadbiran Perniagaan Dengan E-Dagang	25	8.7
	2) Pengurusan Sumber Insan	68	23.8

	3) Ekonomi Dan Kewangan	29	10.1
	4) Perakaunan	39	13.6
	5) Kewangan Islam ( Perbankan)	67	23.4
	6) Komunikasi	47	16.4
	7) Pengurusan Industri Halal	11	3.8
<b>Semester Pengajian</b>	1) Semester 1 – 3	55	19.2
	2) Semester 4 – 6	94	32.9
	3) Semester 7 – 8	137	47.9

Jadual 2 menunjukkan profil demografi responden dan berdasarkan Jadual 2 sebanyak 85 orang (29.7%) responden kajian terdiri daripada pelajar lelaki manakala sebanyak 201 orang (70.3%) terdiri daripada pelajar wanita. Majoriti responden kajian berumur di antara 21 hingga 23 tahun iaitu sebanyak 171 orang (59.8%), diikuti pelajar berumur di antara 24 hingga 26 tahun sebanyak 104 orang (36.4%), 18 hingga 20 tahun sebanyak 8 orang (2.8%) dan sebilangan kecil sahaja yang berusia 27 tahun ke atas iaitu sebanyak 3 orang (1%). Responden yang dikaji datang daripada tujuh bidang pengajian berbeza dengan majoritinya merupakan pelajar jurusan Pengurusan Sumber Insan iaitu seramai 68 orang (23.8%) dan sebilangan kecil adalah pelajar jurusan Pengurusan Industri Halal seramai 11 orang (3.8%). Hampir separuh (47.9%) daripada responden kajian ini merupakan pelajar tahun akhir, iaitu berada dalam semester 7 dan 8 iaitu sebanyak 137 orang.

### Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan untuk melihat taburan nilai bagi setiap pembolehubah. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis deskriptif bagi semua pembolehubah.

**Jadual 3: Analisis Deskriptif Pembolehubah**

Pembolehubah	Bilangan soalan	Min	Tahap
<b>Pembolehubah Bersandar:</b>			
Pembentukan Sahsiah	5	4.3049	Tinggi
<b>Pembolehubah Tidak Bersandar:</b>			
Pengetahuan	5	4.3056	Tinggi
Minat	5	3.7531	Tinggi
Sikap	5	4.1294	Tinggi

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa pembolehubah bersandar iaitu pembentukan sahsiah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.3049. Dapatan yang sama juga diperoleh bagi pembolehubah tidak bersandar, di mana ketiga-tiga pembolehubah berada pada tahap yang tinggi. Walaubagaimanapun, pembolehubah pengetahuan mencatatkan min tertinggi (4.3056) berbanding minat (3.7531) dan sikap (4.1294). Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden adalah bersetuju dengan pernyataan yang diberikan.

### Analisis Korelasi

Pengujian hipotesis bagi kajian ini adalah menggunakan analisis korelasi. Korelasi pearson digunakan bertujuan untuk mengukur hubungan di antara pemboleh ubah yang dikaji. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis korelasi hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar.

**Jadual 4: Korelasi Hubungan antara Pengetahuan, Minat dan Sikap dengan Pembentukan Sahsiah Mahasiswa**

		Pembentukan Sahsiah (DV)	Pengetahuan (IV)	Minat (IV)	Sikap (IV)
<b>Pembentukan Sahsiah (DV)</b>	Pearson Correlation	1	.365**	.186**	.386**
	Sig. (2-tailed)		.000	.002	.000
	N	286	286	286	286
<b>Pengetahuan (IV)</b>	Pearson Correlation	.365**	1	.300**	.366**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000

	N	286	286	286	286
<b>Minat (IV)</b>	Pearson Correlation	.186**	.300**	1	.384**
	Sig. (2-tailed)	.002	.000		.000
	N	286	286	286	286
<b>Sikap (IV)</b>	Pearson Correlation	.386**	.366**	.384**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	
	N	286	286	286	286

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa dengan nilai korelasi sebanyak 36.5%. Sementara itu, pembolehubah tidak bersandar yang kedua iaitu minat juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa dengan bacaan nilai korelasi sebanyak 18.6%. Pembolehubah yang terakhir iaitu sikap menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa dengan nilai korelasi sebanyak 38.6%.

Hipotesis satu menjangkakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Nilai korelasi pearson tersebut ialah  $r = 0.365$  dan  $p = 0.000$ . Dengan ini, H1 diterima.

Hipotesis dua menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara minat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Nilai korelasi pearson tersebut ialah  $r = 0.186$  dan  $p = 0.002$ . Dengan ini, H2 diterima.

Hipotesis tiga juga menjangkakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Nilai korelasi pearson tersebut ialah  $r = 0.386$  dan  $p = 0.000$ . Dengan ini, H3 diterima.

Jadual 5 menunjukkan ringkasan perbincangan hasil kajian ini.

**Jadual 5: Ringkasan Hasil Kajian**

Objektif Kajian	Hipotesis Kajian	Hasil Kajian	Kajian Lepas Menyokong atau Sebaliknya
Menentukan hubungan di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Hubungan signifikan dan positif. Hipotesis disokong.	Kajian lepas yang menyokong ialah Shahidan & Ying (2017) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan pembentukan sahsiah untuk melahirkan pelajar yang memiliki kualiti peribadi yang tinggi melalui pembentukan pemikiran holistik.
Menentukan hubungan di antara minat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Terdapat hubungan yang signifikan di antara minat dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Hubungan signifikan dan positif. Hipotesis disokong.	Kajian lepas yang menyokong ialah Baharin et al. (2008) yang mendapati majoriti pelajar berminat untuk menghadiri program kerohanian yang diadakan. Ini kerana mereka menyedari akan pentingnya program kerohanian dalam proses pembangunan insan bagi melahirkan graduan muslim yang cemerlang sahsiahnya.
Menentukan hubungan di antara sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa.	Hubungan signifikan dan positif. Hipotesis disokong.	Kajian lepas yang menyokong ialah Masuriyati & Che Zarrina (2016) yang mendapati sikap positif golongan belia perlu perhatian terhadap aktiviti kerohanian seperti ceramah, motivasi, usrah atau tazkirah membantu mereka memperbaiki sahsiah diri.



## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil analisis deskriptif, pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian didapati berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.3049. Majoriti mahasiswa di FPM, KUIS bersetuju bahawa sahsiah diri yang positif dapat dibentuk melalui program-program kerohanian yang mereka hadiri. Antaranya ialah mereka lebih hormat kepada pensyarah dan rakan-rakan, menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi serta memperbaiki perwatakan mereka supaya lebih baik dan berperibadi mulia.

Selain itu, dapatan analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan di antara ketiga-tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor pengetahuan, minat dan sikap dengan pembentukan sahsiah mahasiswa. Ini menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah tidak bersandar bagi penghayatan program kerohanian mempunyai hubungan yang signifikan dan memberi kesan kepada pembentukan sahsiah mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Faktor-faktor tersebut didapati berhubung secara positif dengan pembentukan sahsiah mahasiswa, iaitu semakin baik dan tinggi pengetahuan, minat serta sikap mahasiswa terhadap program kerohanian, maka semakin positif dan baiklah proses pembentukan sahsiah mereka.

Justeru, melalui dapatan kajian ini, institusi pengajian tinggi seharusnya mengekalkan usaha dalam membentuk sahsiah mahasiswanya melalui penganjuran program-program kerohanian. Meskipun ada di antara mahasiswa yang menyertai program kerohanian tersebut semata-mata untuk memenuhi syarat atau peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak institusi, namun ia sedikit sebanyak dilihat mampu membangunkan sahsiah serta jati diri mereka ke arah yang lebih positif. Di samping itu, program-program kerohanian yang dijalankan juga perlulah dinilai keberkesanannya bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang ada dan seterusnya penambahbaikan akan dapat dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kualiti program kerohanian berkenaan. Namun penganjuran program-program kerohanian sahaja tanpa ada kerjasama yang jitu daripada pensyarah atau pendidik boleh menyebabkan program-program kerohanian yang dianjurkan oleh pengurusan IPT tidak mendapat sambutan oleh mahasiswa. Oleh yang demikian, pensyarah atau pendidik di IPT disarankan untuk sentiasa berusaha menambah pengetahuan dan ilmu baharu supaya program-program kerohanian menjadi lebih kreatif dan inovatif. Ini bersesuaian dengan sifat mahasiswa yang gemar untuk mencari kelainan serta mencuba sesuatu yang baharu.

## RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani. (2014). Keberkesanan Program Pusat Islam dalam Membentuk Sahsiah Pelajar : Kajian Perbandingan Antara UPSI dan UKM. *Jurnal Perspektif*, Jil. 6, Bil. 1, 81-95.
- Abdul Hamid, M. A. (2004). *Andargogi: Mengajar Orang Dewasa*. Pahang: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh. (2005). *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*.
- Ali Bin Suradin dan Ani Eryanti Yusoff. (2005). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*.
- Awang Nazarudin Bin Awang Drahan & Maimun Aqsha Bin Abidin Lubis. (2017). Amalan Kerohanian Membentuk Disiplin Pelajar. *Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (Sprin 2017)*. 28-36.
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. Abdullah, Mohd Farhan Ngatman & Norsamsiah Muhamad@Wahab. (2008). Kajian Pelaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Baharudin, A. (2005). Tuntutan Kerja Atau Ilmu. Dlm *Utusan Malaysia*, April 1, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Bhd.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Kamarul Hazani Yusof & Ummu Hani Abu. (2010). Ushrah Teras Pembangunan Insan: Tinjauan Pelaksanaannya dalam Kalangan Para Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). *Jurnal Usuluddin Universiti Malaya*.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2009). *How To Design And Evaluate Research In Education (7th Ed)*. New York. Mcgraw-Hill.
- Hamzah, H. (2001). Penilaian Ke Atas Pelaksanaan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Politeknik Johor Baru. *Tesis Sarjana. KUiTTHO*.
- Hashim, N. H. (2000). Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia*.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan Motivasi Murid Iban dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, Vol. 1, Bil. 1, 13-25.
- Khamisan, Z. H. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti di Politeknik. *Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Krejcie, Robert V. & Morgan Daryle W. (1970). Determining Sample Sizes for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Masuriyati Yahya & Che Zarrina Sa'ari. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (PP) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al Thaqa'ah (GJAT)*, Vol.6, Issue 1.
- Mohamed, O., Mahyuddin, R. & Mohd Isa, A. M. (1995). *Asas Pendidikan IV : Sekolah Dan Perkembangan Kanak-Kanak*. Petaling Jaya : Longman Malaysia.
- Mohd Atan. (2003). Sikap, Minat, Pengaruh Rakan Sebaya dan Pengajaran Guru Pelajar Bahasa Sebagai Satu Cara Mengatasi Masalah Kepelbagaian Pelajar Dalam Kelas Bahasa. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan*.
- Mohd Saleh Abu & Zaidatun Tasir. (2001). *Pengenalan Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Window*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mustari, M. I. Hashim, S. Suratman, A. Samat, A. B. Hamzah, A. R. & Abdullah, A.H. (2004). Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor. *Research vote no:71872, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia*.

- Nadzalinda Binti Kamsur (2015). Tahap Penguasaan, Sikap Dan Minat Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris. *Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*
- Ramli Awang & Rosmaziah Abdul Kadir. (2009). Amalan Solat Sunat di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di Universiti Teknologi Malaysia, *Kertas Kerja UTM.*
- Ranita Manap, Norziah Othman, Siti Nurashidah Ruslan, Khairunnisa Ismail & Aimi Fadzirul Kamarubahrin. (2018). Konsep dan Model Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Kerohanian Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. *International Research Management & Innovation Conference.*
- Rozana Abd. Rahim & Nor Hashimah Hashim. (2005). Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan Sekolah Rendah. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005, Universiti Sains Malaysia.*
- Shahidan Shafie & Ying Leh Ling (2017). Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi Di Politeknik. *National Conference On Thinking Culture (ICTC).*
- Syaza Mohd Sabri, Sharini Che Ishak & Asmawati Suhid. (2014). Kajian Minat dan Motivasi Murid Terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan.*
- Tuah, A. H. Stapa, Z. & Munawar, A. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition.* Halaman 23-35.
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin. (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim. *Volume 4 Issue 1 2015 Academia Journal Uitm, 22-28.*
- Wang K. (2004). Entrepreneurial Interest of University Students in Singapore. *Technovation 24, 163-172.*
- Yuhanis Binti Che Hassan (2015). Pengetahuan, Sikap Dan Kesedaran Pensyarah Dalam Pengamalan Penyelidikan di Politeknik Premier. *Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.*
- Zaliza Mohd Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Social And Behavioral Sciences, 408-415.*
- Zulzalana binti Zulkarnaian, Mohamad Saim & Roslina Abd Talib. (2011). Hubungan antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC301. *Quantity Management.*

Safura Ahmad Sabri

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

*Email: safura@kuis.edu.my*

Nurauliani Jamlus Rafdi

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

*Email: nurauliani@kuis.edu.my*

Nur Hafizah Musa

*Fakulti Pengurusan dan Muamalah*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

*Email: hafizahmusa95@yahoo.com*